



DELEUM

POLISI SISTEM PENGURUSAN ANTI-RASUAH

DELEUM BERHAD dan anak-anak syarikatnya ("DELEUM") komited sepenuhnya untuk menjalankan perniagaan dengan tahap integriti yang tinggi.

Selaras dengan komitmen tersebut, DELEUM mempraktikkan tindakan-tindakan yang berikut:

1. Mematuhi sepenuhnya semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan anti-rasuah dan korupsi termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah ISO 37001.
2. Menjunjung tinggi nilai integriti, ketelusan, akauntabiliti dan tingkah laku beretika dalam pelaksanaan perniagaan dan operasinya.
3. Menegakkan prinsip anti-rasuah dalam semua urusan perniagaan dan interaksi yang dijalankan bersama pihak luar, termasuk rakan perniagaan, agensi kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan yang lain.
4. Melarang sama sekali mana-mana kakitangan daripada meminta, menerima, menawarkan serta terlibat dalam sebarang bentuk aktiviti yang melibatkan korupsi.
5. Menubuhkan fungsi anti-rasuah bagi mendapatkan akses kepada maklumat yang berkaitan, memberikan nasihat dan garis panduan kepada kakitangan dan pihak-pihak berkepentingan terhadap sistem pengurusan anti-rasuah dan masalah berkaitan suapan, serta melaporkan sebarang kebimbangan berkaitan rasuah secara langsung kepada pihak pengurusan tertinggi.
6. Komited terhadap penambahbaikan berterusan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah melalui penilaian risiko secara berkala, pemantauan, audit dan tindakan pembetulan bagi meningkatkan keberkesannya.

DELEUM mewajibkan semua kakitangan dan rakan perniagaan yang terlibat dalam aktiviti perniagaan untuk mematuhi Polisi ini. Sebarang pelanggaran terhadap Polisi ini boleh membawa kepada pendakwaan undang-undang dan akan dikenakan tindakan tatatertib yang sewajarnya selaras dengan dasar, prosedur, arahan dan garis panduan syarikat DELEUM.

DELEUM menggalakkan amalan ketelusan dan integriti dengan menyeru semua kakitangan serta pihak-pihak berkepentingan untuk melaporkan sebarang salah laku atau penyelewengan dalam Kumpulan, secara selamat dan sulit, tanpa rasa takut terhadap sebarang tindakan balas, melalui emel whistle@deleum.com atau WBChairPerson@deleum.com.

RAMANRAO BIN ABDULLAH
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN
9 Jun 2026